

Sistem e-undi berkesan, telus

SISTEM e-undi ternyata berkesan, telus dan keputusan boleh didapati dengan cepat, kata Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Datuk Mohamed Asin Dollah.

Beliau berkata, ia dibuktikan pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Usim sesi 2007/2008 kelmarin yang menyaksikan keputusan diumumkan awal sejam berbanding sebelumnya.

Katanya, e-undi diperkenalkan sejak tahun lalu dengan beberapa pembaikan termasuk menaik taraf sistemnya berjaya kerana ia dapat membantu kelancaran pemilihan itu. Tahun lalu, keputusan diumumkan pada jam 7 petang, tetapi kali ini 6.05 petang.